

# Bangunkan bandar jangan pinggir Melayu

KUALA TERENGGANU 31 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kerajaan-kerajaan negeri merancang pembangunan bandar dan sesebuah kawasan baru secara rapi agar tidak meminggirkan penduduk setempat khususnya orang Melayu.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak mahu lagi melihat apabila wujud sesebuah kawasan pembangunan, bandar baru atau bandar sedia ada bertambah besar, orang Melayu mula menjual tanah dan membawa diri ke kawasan lain.

Menurut beliau, penduduk terbabit mungkin berbuat demikian kerana merasakan pembangunan yang berlaku itu tidak membawa manfaat atau mengabaikan kepentingan mereka.

"Kita mahu pembangunan yang akan kita lakukan, tidak seperti pembangunan bandar terdahulu yang tidak terancang sehingga apabila bandar semakin besar, penduduk Melayu pula semakin terpelanting keluar.

"Kita juga tidak mahu apabila bandar baru wujud, kita sendiri mempersoalkan di mana orang Melayu kita (di bandar itu), mana bumiputera kita...sudah tiada dah,

UM- 1/8/2006

dah pindah ke tempat lain," katanya. Abdullah berkata demikian ketika berucap kepada hampir 2,000 penduduk pada majlis penyampaian surat tawaran penyewaan pangsapuri mampu milik Pulau Duyung dan majlis menandatangani perjanjian Tempahan Pembinaan Perahu Tradisional di Pulau Duyung di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu adalah Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh dan pemimpin Kerajaan Pusat serta negeri.

Mengenai strategi pembangunan baru, Abdullah menekankan betapa perlunya setiap pihak termasuk agensi kerajaan yang diberi amanah untuk menjayakan sesuatu pembangunan kawasan memberi perhatian serius soal perancangan.

Menurut beliau, pihaknya mahu apabila ada pembangunan kawasan, penduduk setempat juga perlu ditempatkan di kawasan itu dalam keadaan yang lebih selesa, lebih baik dan lebih tinggi mutu kehidupan mereka.

"Kita mahu pastikan pembangunan dan perancangan mesti dilakukan betul-betul dan ini pendekatan yang kita ambil sekarang iaitu perancangan yang dibuat mengambil kira kepentingan penduduk setempat," tegasnya.



ABDULLAH Ahmad Badawi yang dilirungi Idris Jusoh menyampaikan replika kunci kepada penduduk Pulau Duyung, Mohd Yazi Abu Bakar pada majlis penyerahan rumah pangsapuri mampu milik di Kuala Terengganu, semalam.